

# Projek sudah lulus, tiada dana tambahan diteruskan

Inisiatif  
rangsang  
aktiviti ekonomi  
selepas terjejas  
akibat COVID-19

Oleh Mohamed Farid Noh  
farid\_noh@bh.com.my

**Pagoh:** Projek mega negara yang diluluskan sebelum ini dan tidak memerlukan peruntukan tambahan, akan diteruskan, kata Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Perdana Menteri berkata, pelaksanaan projek mega itu bukan saja memberi peluang pekerjaan kepada rakyat, malah dapat menjaga semula ekonomi negara yang terjejas teruk akibat wabak COVID-19.

“Satu daripada strategi untuk menyediakan peluang ekonomi yang lebih banyak adalah meneruskan projek mega atau raksasa, yang sudah diputuskan dahulu, namun tidak membabitkan pertambahan peruntukan.

“Contohnya projek Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) yang membabitkan perbelanjaan RM40 bilion dan ada lagi beberapa projek yang diluluskan dahulu dan tidak memerlukan perbelanjaan baharu, tidak akan dihentikan.

“Ia termasuk Projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi (HSR) yang kita tetapkan sebuah daripada penghentiannya di kawasan Hub Pendidikan Pagoh,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan pada sesi dialog bersama Pemimpin Masyarakat Parlimen Pagoh, di Dewan Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN) Pagoh.

Yang turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Kepong, Datuk Dr Sahrudin Jamal; ADUN Bukit Pasir, Kapten (B) Najib Lep dan Pegawai Daerah Muar, Datuk Mohd Haffiz Ahmad.

Muhyiddin ketika mengulas mengenai HSR, berkata sebagai Perdana Menteri dalam pentadbiran baharu, beliau meneliti balik dan mendapati ada keperluan diteruskan tetapi butiran mengenai projek itu masih dalam proses perincian kedua-dua negara.

Pada masa sama, beliau juga mengalu-alukan pihak swasta yang mahu menyertai projek berkenaan, sekali gus membantu dalam mengurangkan beban kos kerajaan dalam projek HSR.

Bulan lepas, kerajaan Malaysia dan Singapura bersetuju dan bersetakat untuk menandatangani projek HSR sepanjang 350 kilometer itu, yang sepatutnya berakhir pada 31 Mei lalu tetapi dilanjutkan sehingga penghujung Disember.

Dalam perkembangan berasingan, Perdana Menteri berkata, 200,000 anak muda menganggur atau diberhentikan kerja, akan dilatih semula menerusi Program Kemahiran dan Peningkatan Kemahiran, secara percuma membabitkan peruntukan RM2 bilion.


“Saya menerima aduan ibu bapa, ada anak mereka sudah dua

tahun masih menganggur iaitu sebelum wabak COVID-19 lagi sehingga negara dilanda pandemik berkenaan yang menyebabkan ekonomi negara terjejas.

“Antara langkah yang kerajaan setuju laksanakan adalah Program Kemahiran dan Peningkatan Kemahiran anak muda kita yang masih menganggur dan juga diberhentikan kerja.

“Sementara pekerjaan belum dapat diwujudkan berikutan keadaan ekonomi kita masih perlahan adalah wajar untuk meningkatkan semula kemahiran anak muda kita.

“Program Kemahiran dan Peningkatan Kemahiran ini akan memberi faedah kepada sehingga 200,000 anak muda dengan elau latihan akan diberikan selain makan minum juga disediakan,” katanya.

 **Satu daripada strategi untuk menyediakan peluang ekonomi lebih banyak adalah meneruskan projek mega atau raksasa yang sudah diputuskan dahulu, namun tidak babitkan pertambahan peruntukan.**

**Muhyiddin Yassin,**  
Perdana Menteri

BH - 28/6/2020 m/s: 3  
Sementara itu, Perdana Menteri mempunyai jadual padat sepanjang hari berada di Pagoh dan Bukit Gambir semalam, yang menjadi program rasmi pertama beliau sejak kelonggaran Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) pandemik COVID-19.

Sejurus tiba jam 9 pagi semalam, Perdana Menteri bersama isteri, Puan Seri Norainee Abdul Rahman, meluangkan masa meninjau perusahaan kecil dan sederhana (PKS), De Muara Enterprise, di Bukit Gambir.

Sepanjang lawatan selama 40 minit itu, Muhyiddin dan Norainee yang diiringi Menteri Besar, Datuk Hasni Mohammad, meninjau pembuatan pes perencah pelbagai makanan beridentiti Johor, termasuk mi bandung, soto, asam pedas, mi rebus serta sambal ikan bakar.

Selepas selesai bertemu pemimpin masyarakat DUN Gambir, Perdana Menteri meninjau pula Masjid Haji Muhammad Yassin, Pagoh yang terletak di Hab Pendidikan Tinggi Pagoh (HPTP) di Bandar Universiti Pagoh, di sini.

Masjid dengan kos RM39.8 juta di tapak 4.73 hektar itu, dibina bersempena nama bapa Muhyiddin yang juga guru agama terkenal di daerah Muar iaitu Allahyarham Muhammad Yassin Mohamad.

Pagi ini, Perdana Menteri akan meneruskan program di Muar pula dengan bertemu wakil perniagaan dan industri, di Pejabat Daerah Muar bermula jam 9.30 pagi.